

PENGHARGAAN: KURSUS MOTIVASI JIWA SIRI 2

UUM CAS Training and Consultancy

Telah Dihantar: 06 April 2011 15:23

Kepada: Staf - Muslim Group



6 APRIL 2011/2 JAMADILAWAL 1432H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PENGHARGAAN: KURSUS MOTIVASI JIWA SIRI 2



UUM CAS TRAINING & CONSULTANCY baru-baru ini telah mengadakan kursus Motivasi Jiwa 'Dikalangan Pekerja' kali yang kedua. Program ini telah berlangsung di Teluk dalam resort Pulau Pangkor dengan dihadiri lebih 60 peserta yang rata-ratanya daripada berlainan jabatan dan jawatan termasuk staf pentadbiran dan juga akademik. Kursus ini dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Shukri Ahmad, Ustaz Mohd Khadafi Hj Rofie dan juga En. Mohd Faisal Mustaffa.

Pelbagai pengisian menarik yang telah dijalankan sepanjang program berlangsung, Antara pengisian yang unik didalam program ini ialah peserta diwajibkan bersembahyang berjemaah pada semua waktu termasuk Fardhu Subuh, Qiyamullail, Munajat, berjemaah di tepi pantai, belajar menggunakan hanya suku air daripada botol untuk mengambil wudhu, dan permainan 'pembelot merosakkan agama, organisasi dan keluarga'. Terdapat juga kejadian luarbiasa berlaku yang dapat dirasai oleh peserta sewaktu sembahyang berjemaah di tepi pantai, menunjukkan kebesaran Allah SWT dan sudah pasti tidak dapat dilupakan oleh para peserta.

Para peserta telah memberikan tindakbalas yang positif terhadap penganjuran program kali ini dan mereka berpendapat bahawa program seperti ini perlu diteruskan bagi membentuk jiwa yang positif dikalangan pekerja dalam sesebuah organisasi mahupun dalam institusi rumah tangga. Pihak penganjur juga sememangnya berhasrat untuk menganjurkan program Motivasi Jiwa Modul yang ke-2 pada tahun ini bagi peserta yang pernah menghadiri Modul Pertama berikutan sambutan yang menggalakkan serta kejayaan yang dicapai pada program yang dianjurkan baru-baru ini.

Prof. Madya Dr Shukri Ahmad dan Ustaz Mohamad Khadafi berkata bahawa program ini adalah titik permulaan bagi mereka untuk mencetuskan motivasi secara bermodul menggunakan kaedah permainan, apresiasi alam, teknik menduga, sixth sense dan pelbagai kaedah yang tidak lari daripada syariat Islam. Perubahan dan penambahbaikan modul ini akan dibuat terus menerus bagi memastikan program ini berkesan dan dapat dihayati oleh peserta yang menyertai kursus ini pada masa akan datang. Program ini bukan sahaja diadakan untuk warga UUM sahaja malah akan dipasarkan pada jabatan-jabatan luar seterusnya menaikkan nama Universiti Utara Malaysia sebagai universiti yang terkemuka.

Pihak UUM CAS Training & Consultancy ingin memberikan penghargaan kepada peserta-peserta kursus yang telah menghadiri kursus dan memberikan komitmen sepanjang kursus ini berlangsung.

Tamat

*UUM CAS Training & Consultancy*

Dean's Office (Student Development & Alumni)  
College of Arts and Sciences,  
Human and Social Development Building  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok Phone : +60 (4) 928 3866/ 3880/ 4872  
MALAYSIA Fax : +60 (4) 928 5754

Email : [usahawancas@uum.edu.my](mailto:usahawancas@uum.edu.my)